



ISMAIL (enam dari kiri) menyampaikan cenderamata kepada Judith.

UMS-KAL sedia jalin kerjasama dengan TM

UB 10.08.2012 A5

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) akan menjalinkan kerjasama dua hala dengan TM bagi meningkatkan kemudahan telekomunikasi dan teknologi (ICT) di universiti itu.

Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata kerjasama itu penting bagi meningkatkan kemudahan ICT untuk digunakana kira-kira 2,000 pelajar dan 270 kakitangan.

Katanya, universiti akan menaiktaraf kemudahan ICT bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah serta kemudahan internet di kolej kediaman pelajar dan kakitangan di pejabat.

Beliau berkata, pengurusan universiti akan menaiktaraf kemudahan ICT secara berperingkat-peringkat sesuai dengan kedudukan UMS-KAL sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Wilayah Persekutuan Labuan.

“UMS-KAL akan mengadakan perjanjian persefahaman dengan TM bagi meningkatkan kemudahan ICT dalam kalangan pelajar dan kakitangan,” katanya selepas menerima kunjungan

hormat pegawai TM di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 13, Bangunan Menara UMS-KAL, kelmarin.

Turut hadir Penolong Pengurus TM (Government Sales) Sabah, Judith John Laji dan Penolong Pengurus TM Cawangan Labuan, Johnny Suilin.

Ismail berkata, banyak kerjasama boleh diadakan antara kedua-dua pihak termasuk dari segi pentadbiran, akademik, pembangunan dan sukan yang memberikan manfaat kepada pelajar dan kakitangan.

Katanya, pertukaran kepakaran kedua-dua pihak juga boleh diadakan sama ada kakitangan mahupun pelajar yang memiliki kemahiran masing-masing.

“TM dan UMS-KAL boleh mewujudkan kerjasama dari segi kepakaran yang dimiliki oleh pelajar dan kakitangan yang menguntungkan kedua-dua pihak,” katanya.

Beliau menambah, kakitangan dan pelajar juga boleh mengadakan latihan praktikal di TM Sabah mahupun Labuan serta mengadakan kerjasama melalui sukan yang mampu menaikkan imej kedua-dua pihak.